



IKLAN PENGISIAN KEKOSONGAN PERJAWATAN SECARA KONTRAK DI TAMAN BOTANI NEGARA SHAH ALAM

Taman Botani Negara Shah Alam (TBNSA) mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan perjawatan secara **KONTRAK** seperti berikut

Jawatan	:	Juruteknik Komputer Gred FT19
Taraf Jawatan	:	<i>Contract of Service</i> (COS)
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
Jadual Gaji Minimum - Maksimum	:	Minimum - RM 1,377.00 Maksimum - RM 4,052.00
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	:	RM100.00
Bil. Kekosongan	:	Satu (1)
Tempat Kekosongan	:	Taman Botani Negara Shah Alam

1. SYARAT- SYARAT PERMOHONAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia; dan
- (b) berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c)
 - i. Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan pada Gred FT19: RM1,377.00) atau;
 - ii. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred FT19: RM1,435.12) atau;
 - iii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred FT19: RM1,493.24)
- (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/SVM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

2. DESKRIPSI TUGAS

- (a) Bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas-tugas merangkumi penyelenggaraan sistem komputer seperti penyelenggaraan pencegahan dan penyelenggaraan kelengkapan IT serta tugas-tugas penyelenggaraan aplikasi pengkomputeran dan operasi sistem dalam sesebuah organisasi; dan
- (b) Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan

3. CARA MEMOHON

- (a) Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang
 - BP.COS
- (b) Borang permohonan yang lengkap hendaklah disertakan dengan dokumen sokongan berkaitan yang disahkan beserta gambar passport dan dikemukakan kepada:-

Pengarah

Taman Botani Negara Shah Alam
Bukit Cahaya Seri Alam
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

4. TARIKH TUTUP

- (a) Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke alamat di atas mulai **13 Februari 2024 hingga 18 Februari 2024 jam 12.00 tengah hari**. Permohonan yang **tidak lengkap atau lewat diterima** dari tarikh tersebut **tidak akan dipertimbangkan**.
- (b) Hanya **calon yang layak** sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga. Permohonan tuan/puan dianggap tidak berjaya sekiranya tidak menerima sebarang jawapan daripada Kementerian ini dalam masa enam (6) bulan dari tarikh tutup permohonan.

5. PERTANYAAN

Sekiranya ada sebarang pertanyaan lanjut mengenai urusan ini, sila hubungi Puan Nor Aini binti Zulkifli di talian 03-5510 6922 atau e-melkan kepada alamat noraini@kpkkm.gov.my.